

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 12 (A168)

Apakah syarat-syarat seperti keperluan minimum atau maksimum yang diperuntukkan sebagai garis panduan, serta peranan pengubahan syarat tanah, di dalam pelaksanaan pemutihan kilang-kilang yang sedang dijalankan di Batu Pahat, dan adakah kerajaan berhasrat menanganukannya memandangkan kita baru keluar dari pandemik?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Program Pemutihan Industri Tanpa Kebenaran yang dijalankan oleh pihak MPBP pada tahun 2021 akan berakhir pada 31 Disember 2021. Premis atau bangunan yang terlibat di dalam program pemutihan adalah yang dibina sebelum 31 Disember 2019 sahaja. Pemilik premis boleh mendapatkan insentif pengecualian dan syarat-syarat minimum dengan mengemukakan permohonan pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Jalan dan Perparitan sebelum tempoh berakhir.

Jabatan Perancang Bandar (MPBP) sedang giat menjalankan promosi dengan mengadakan lawatan tapak pada setiap minggu bersama Ahli Majlis dan dibantu oleh pihak berkepentingan seperti Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat, Persatuan Perabot Batu Pahat, Perunding Perancang Bandar dan Arkitek. Sehingga kini lebih 500 premis telah dinotiskan mengikut pecahan sempadan DUN seperti berikut :

Penguatkuasaan Akta 172 di Kawasan MPBP Mengikut Sempadan DUN

Bil.	Nama DUN	Bilangan Notis
1.	N. 25 Rengit	22
2.	N. 23 Penggaram	109
3.	N. 20 Semarang	15
4.	N.18 Sri Medan	0
5.	N. 24 Senggarang	147
6.	N. 17 Semerah	45
7.	N. 22 Parit Raja	121
8.	N. 21 Parit Yaani	41
JUMLAH		500

Sebahagian syarat-syarat minima, insentif dan pengecualian adalah sebagaimana berikut :

- i. Anjakan Bangunan sehingga 2 meter (ruang kelegaan) ;
- ii. Tempat letak kenderaan sedia ada di atas tapak;
- iii. Pengecualian serahan jalan sebagai lorong percepatan dan perlambatan;
- iv. Denda KM bagi bangunan yang telah dibina dikecualikan;
- v. Elemen Hijau (SPA, Tenaga Solar dan tempat letak kereta '*grass creta*') bagi bangunan dikecualikan;
- vi. Permohonan kerjatanah dan perparitan dikecualikan;

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

Jadual menunjukkan perbezaan bagi syarat asal dan syarat minima permohonan Kebenaran Merancang/ Pelan Bangunan Bangunan Kilang dan Komersial, Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP).

BIL.	PERKARA	GARIS PANDUAN PIAWAIAN	SYARAT MINIMA
KEBENARAN MERANCANG/PELAN BANGUNAN			
1	Bilangan tingkat/ketinggian sedia ada di tapak	Tertakluk sebagaimana RTD (termasuk mezzanine)	Sedia ada di tapak
2	Anjakan bangunan	Depan 40' Sisi & Belakang 20'	2 m (6.5') ruang kelegaan
3	Kawasan tepubina (Plinth Area) sediada di tapak	<ul style="list-style-type: none"> • 0.5–3.0ekar : 60% • > 3.0 ekar : 70% 	Sedia ada di tapak
4	Koridor utiliti sedia ada/tiada di tapak	10' bagi jalan 66'	Sedia ada di tapak
5	Perimeter Penanaman (Perimeter planting) sedia ada di tapak	Tiada	Sedia ada di tapak
6	Tempat letak kenderaan sedia ada di atas tapak	<u>Ruang Pengeluaran</u> <ul style="list-style-type: none"> • 1 TLK/ 140 mp bagi 1,401mp dan keatas • 1 TLK/ 232.2mp • 1 TLM / 185.8mp ruang lantai kasar • 1 TLBskl/92.9mp ruang lantai kasar • 1 TLL/929.9mp ruang lantai kasar <u>Stor</u> <ul style="list-style-type: none"> • 1 TLK/ 232.2mp ruang lantai kasar 	Sedia ada di tapak
7	Elemen kejiranan hijau sediada di tapak	SPA/ LED	Sedia ada di tapak

Berkaitan dengan ubah syarat tanah, pihak MPBP akan membantu mana-mana premis yang masih belum mengubah syarat tanah kepada industri, dibenarkan membuat permohonan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad (KMTT) dan Pelan Bangunan Sementara dengan kelulusan bertempoh setahun ke setahun. Bagi yang tidak selaras dengan zon gunatanah Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat (Penggantian) 2030, premis diberi tempoh 5 tahun untuk berpindah di kawasan penempatan semula yang telah dirancang di Genting Pura Kencana dan Jalan Parit Jalil.

Berdasarkan kepada keadaan semasa, ramai pemilik premis yang mengemukakan rayuan bagi mendapatkan tempoh lanjutan masa disebabkan oleh situasi pandemik Covid-19 dan masalah kewangan syarikat. Pihak MPBP bercadang untuk melanjutkan tempoh program pemutihan ini sehingga tahun 2022 tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Penuh.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 13 (A2)

Apakah bantuan yang telah diberikan oleh sektor pelancongan setakat ini untuk meningkatkan ekonomi negeri Johor dan menarik pelancong datang ke negeri Johor?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 14 (A20)

Pandemik Covid-19 ini telah memberikan kesan yang besar kepada industri pelancongan Negeri Johor. Apakah usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan kemampuan daya upaya industri pelancongan negeri?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 15 (A93)

Apakah bantuan yang telah dan akan diberi oleh Kerajaan Johor kepada Industri Pelancongan dan Perhotelan bagi sektor ini berkembang semula?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

(Jawapan bersekali untuk soalan A2, A20 & A93)

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Penawar, Yang Berhormat Tenggaroh dan Yang Berhormat Tangkak atas soalan yang telah dikemukakan.

Adalah menjadi kewajipan Kerajaan Johor dibawah kepimpinan YAB Menteri Besar untuk melihat pelbagai kaedah bagi membantu sektor pelancongan dalam usaha untuk memastikan sektor ini kekal bertahan sehingga keadaan pulih seperti sedia kala. Adalah tidak dinafikan bahawa sektor pelancongan merupakan sektor yang paling awal terkesan dan paling lambat untuk pulih sepanjang pandemik ini.

Di atas sebab itulah, YAB Menteri Besar Johor telah meluluskan pelbagai insentif bantuan kepada penggiat industri pelancongan bukan hanya sekali tetapi beberapa kali dengan niat untuk meringankan beban yang dihadapi oleh mereka.

Pada tahun lepas sahaja, YAB Menteri Besar telah mengumumkan pada tahun lepas melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 1.0

- I. Insentif One-Off kepada Pemandu Pelancong di Johor
- II. Pengecualian Bayaran Duti Hiburan
- III. Pengecualian Pembayaran Lesen Perniagaan bagi pemilik syarikat pelancongan dan hotel

Dewan yang mulia ini telah menyaksikan pengumuman YAB Menteri Besar memperuntukkan RM 5 Juta semasa pengumuman Belanjawan 2021 dibawah agenda Johor Berkebijakan dan melalui agenda ini, bantuan-bantuan khas telah diumumkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

SEBAGAI CONTOH AGENDA JOHOR BERKEBAJIKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN TAHUN INI:-

- I. **Insentif khas kepada pemandu pelancong, sebanyak RM 1,000.00** kepada 566 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM 640,000.00,
- II. **Insentif khas kepada syarikat agensi pelancongan, sebanyak RM 2,000.00** kepada 130 buah syarikat, dengan peruntukan sebanyak RM 260,000.00,
- III. **Bantuan kepada persatuan pelancongan, sebanyak RM 20,000.00** kepada 16 Persatuan Pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM 320,000.00,
- IV. **Pengecualian pembayaran duti hiburan** bagi taman-taman tema dan pusat hiburan keluarga berjumlah RM 3 Juta,
- V. **Pengecualian pembayaran lesen perniagaan** kepada pemilik syarikat pelancongan dan hotel sebanyak RM 894,211.00.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI IHSAN JOHOR

Tidak cukup dengan itu, Pada 10 Jun 2021, YAB Menteri Besar telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 3.0) dengan bantuan khas sebanyak RM 1.501 Juta

- I. Pemberian Insentif One-Off sebanyak RM1,000 kepada 621 orang pemandu pelancong yang berdaftar di negeri Johor.
- II. Pemberian insentif one-off sebanyak RM1,000 kepada 187 agensi pelancongan yang berdaftar di negeri Johor.
- III. Pemberian Insentif One-Off sebanyak RM2,000 kepada 207 pengusaha hotel bajet yang berdaftar di negeri Johor.
- IV. Pemberian Insentif One-Off sebanyak RM1,000 kepada 233 pengusaha homestay, resort & chalet yang berdaftar di negeri Johor.

Syukur Alhamdulillah untuk tahun hadapan, sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Menteri Besar dalam Belanjawan 2022, usaha untuk membantu industri ini diteruskan lagi malah diperluaskan dengan bantuan khas kepada pemain industri pelancongan Mersing. Ini adalah sebahagian daripada usaha kita meningkatkan kemahiran disamping memastikan usaha pemerkasaan daya upaya sektor pelancongan negeri.

USAHA PEMERKASAAN SEKTOR PELANCONGAN JOHOR

Sejurus Negeri Johor masuk ke fasa 4, pada 5 November tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor, telah melancarkan Baucar Pelancongan sebanyak RM1.5juta di atas aplikasi Johor Tourism Interchange. Untuk pengetahuan ahli ahli yang berhormat, setiap 15,000 baucar telah ditebus. Ini jelas menunjukkan bahawa negeri Johor adalah destinasi pelancongan yang sangat popular di negara ini.

Lantaran itu, YAB Menteri Besar juga telah mengumumkan peruntukan tambahan RM1.5Juta lagi untuk membantu mengimarahkan sektor pelancongan negeri Johor yang kita sayangi. Pelaksanaan pemberian insentif 15,000 baucar pelancongan bernilai RM100.00 setiap satu yang ditawarkan kepada orang ramai di aplikasi Johor Tourism Interchange (JTI) sebagai galakan bagi merencanakan kembali industri pelancongan domestik. Baucar Pelancongan Johor ini boleh digunapakai untuk membeli pakej-pakej pelancongan negeri yang ditawarkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

secara khusus oleh agensi pelancongan Negeri Johor melalui tiga tema utama iaitu “nature escapade”, “family fun” dan “heritage & culture”

Kerajaan negeri melalui Tourism Johor telah menyediakan video-video promosi Majestic Johor untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Bagi video domestik, Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor telah bekerjasama dengan Astro melalui program Majestic Johor yang telah ditayangkan pada tahun lepas. Untuk pengetahuan ahli-ahli Yang Berhormat, tayangan ini telah ditonton oleh 3.8 juta rakyat Malaysia.

Bagi mempromosikan produk-produk pelancongan Johor di peringkat antarabangsa, Majestic Johor telah menghasilkan video-video promosi dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Cina.

Antara Selebriti yang bersama membantu kita dalam mempromosikan Johor adalah seperti:-

- 1) Amber Chia
- 2) Ahirine Ahirudin
- 3) Khair Al Jufri
- 4) Shahrol Shiro
- 5) Fad Bocey
- 6) Atu Zero
- 7) Aliff Satar
- 8) Elisya
- 9) Nabila Razali
- 10) Wafari Ena Roslan
- 11) Fizo Omar
- 12) Janna Nick
- 13) Izzue Islam
- 14) Elizabeth Tan
- 15) Farahdhiya
- 16) Azara Azmi
- 17) Fatin Afeefa
- 18) Azrel Ismail

Selain dari video-video ini, Tourism Johor sedar bahawa Facebook, Instagram dan Twitter memainkan peranan yang sangat penting. Sebab itu, akaun social media yang dimiliki oleh Tourism Johor sentiasa dikemaskini dengan gambar-gambar produk pelancongan di negeri Johor.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa berkongsi maklumat dan video-video pelancongan yang dihasilkan oleh Tourism Johor seperti yang dibuat oleh YB Johor Jaya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 16 (A119)

Apakah rancangan kerajaan dalam menangani masalah hartanah Kondominium atau apartment servis yang mana bekalan adalah jauh melebihi permintaan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Perancangan pembangunan adalah daripada pihak pemaju hasil daripada kajian pasaran yang telah dilaksanakan oleh pemaju. Namun demikian, berikut adalah cadangannya pengawalan:-

Perancangan Pembangunan

1. Pengawalan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan cadangan-cadangan projek pembangunan dalam Mesyuarat OSC Pihak Berkuasa Tempatan di mana pihak Pemaju dikehendaki mengemukakan laporan dan kajian pasaran yang telah dinilai oleh pihak National Property Information Centre (NAPIC), agar tidak berlaku lambakan hartanah bertingkat.
2. Mensyaratkan pembangunan bertingkat hanya dilaksanakan di kawasan yang telah tersedia dengan fasiliti awam yang lengkap seperti sekolah, jaringan pengangkutan awam yang baik dan tepu pembangunan bagi memastikan terdapat permintaan tinggi terhadap perumahan jenis bertingkat.
3. **Mengubah Persepsi Rakyat Berkenaan Kediaman Bertingkat**

Syarikat yang melaksanakan principal dalam pengurusan hartanah bertingkat iaitu Pengurusan Fasiliti amatlah sedikit di Negeri Johor. Dengan adanya pengurusan fasiliti yang baik dan persekitaran kediaman yang kondusif hasil daripada pengurusan yang baik oleh Syarikat Pengurusan Fasiliti, rakyat akan memilih rumah bertingkat sebagai alternatif kediaman yang menarik untuk dibeli.

Memastikan unit bertingkat dijual dengan isu pemilikan telah selesai.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 17 (A152)

Menurut NAPIC, terdapat RM20.09 bilion nilai hartanah kediaman tidak terjual. 41.4% (23,679 unit) hartanah kediaman, sevice apartment dan Soho yang tidak terjual berada di Johor. Apakah tindakan kerajaan dalam membantu pemaju perumahan mengurangkan jumlah hartanah yang tidak terjual ini?

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 18 (A162)

Apakah langkah-langkah atau rancangan yang diambil untuk menangani 70,000 rumah tidak dijual, tidak berpenghuni atau terbiar dalam Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

(Jawapan bersekali untuk soalan A152 & A162)

Penjualan hartanah adalah termaktub kepada perkara yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, berikut adalah perkara yang telah ditimbalguna oleh kerajaan negeri berkenaan penjualan hartanah kediaman:-

1. Segmen perumahan untuk warga asing,
2. Dasar pembangunan di Zon Antarabangsa,
3. Rayuan kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan Program Malaysia My Second Home (MM2H).

Bagi meningkatkan kecekapan dan pengurusan hartanah dalam aspek *overhang property* atau mengurangkan hartanah yang tidak terjual, beberapa usaha telah dilaksanakan bagi perkara tersebut antaranya:

- i. Bagi merancakkan lagi jualan rumah-rumah yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan, pentadbiran ini giat mempromosikan melalui sosial media iaitu Facebook, Instagram, YouTube dan Twitter. Pendekatan penggunaan medium *e-pemasaran* yang digunakan dapat membantu mengurangkan lambakan hartanah tidak terjual di Negeri Johor.
- ii. Di dalam Belanjawan Negeri Johor 2021 juga, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengadakan Ekspo Hartanah Bumiputera di seluruh Negeri Johor sepanjang tahun 2021 bagi merancakkan semula jualan hartanah di negeri Johor. Walau bagaimanapun, penganajuran Ekspo Hartanah Bumiputera tersebut ditangguhkan kepada tahun 2022 berikutan pandemik Covid-19 yang masih tidak memulih. Ekspo ini juga sekali gus dapat membantu Kerajaan untuk mempromosikan dan menjual semula lot-lot Bumiputera yang tidak terjual secara langsung.
- iii. Lanjutan Pengecualian duti setem sempena Kempen Pemilikan Rumah atau "*Home Ownership Campaign (HOC)*" juga telah diumumkan oleh Mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika siaran langsung Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (Pemerkesa+) sehingga 31 Disember 2021. Kempen ini juga dapat menggalakkan rakyat untuk memiliki rumah khususnya lot Bumiputera di negeri Johor. Antara manfaat yang akan diterima melalui kempen ini ialah:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

a) Pengecualian duti setem penuh sehingga RM1 juta

Di bawah skim ini, pemohon yang berjaya akan menikmati pengecualian duti setem 100% pada instrumen pindah milik (*Instrument of Transfer*) untuk sebarang pembelian rumah kediaman yang bernilai sehingga RM1 juta. Manakala, pengecualian duti setem penuh akan diberikan pada perjanjian pinjaman untuk Perjanjian Jual Beli (SPA) yang ditandatangani antara 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2021.

b) Pengecualian duti setem separa sehingga RM2.5 juta

Untuk harta tanah bernilai lebih dari RM1 juta hingga RM2.5 juta, anda perlu membayar 3% duti setem untuk instrumen pindah milik (*Instrument of Transfer*) untuk jumlah yang lebih RM1 juta.

c) Instrumen untuk mendapatkan pengecualian bagi pinjaman

Semua hartanah dalam skim ini boleh menikmati pengecualian duti setem atas Instrumen Berkaitan Mendapatkan Pinjaman.

d) 10% diskaun rumah

Selain pengecualian duti setem, anda juga boleh menikmati pengurangan minimum sebanyak 10% untuk harga pembelian hartanah yang disenaraikan di bawah skim ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 19 (A47)

Apa strategi untuk menyelesaikan masalah yang timbul di penempatan seperti taman/kampung akibat perindustrian, kenderaan berat, pencemaran yang terus menerus berlaku sebagai contoh di perkampungan Jalan Padang Tembak Kluang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pihak Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah menerima satu aduan bertarikh 30 September 2021 berkenaan kacau ganggu dan kenderaan berat di kawasan perkampungan Jalan Padang Tembak, Kluang. Anggota telah pun menjalankan siasatan pada 6 Oktober 2021 dan mendapati tiada kenderaan berat yang menyebabkan jalan rosak seperti diadukan dan kawasan perkampungan tersebut didapati berdekatan dengan kawasan perindustrian. Pihak Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Kluang (MPK) akan melakukan pemantauan berterusan. MPK akan sentiasa memantau dan berhubung dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 20 (A159)

Berapa pelajar sekolah menengah dan rendah telah berhenti sekolah pada tahun 2019, 2020 dan 2021 di Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Data tahun 2021 Jabatan Pendidikan Negeri Johor adalah berdasarkan data berakhir 31 Ogos 2021 dalam jadual berikut:

**JUMLAH MURID BERHENTI SEKOLAH
BAGI TAHUN 2019-2021**

TAHUN	JUMLAH MURID BERHENTI SEKOLAH	SR	SM
2019	3699	164	3536
2020	2716	94	2622
2021	885	97	788

*Data Tahun 2021 sehingga Ogos 2021

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 21 (A28)

18 dari 29 atlet sukan perahu layar MSSM tahun ini adalah terdiri dari anak-anak Senggarang. Mereka telah berlatih dipantai Sungai Lurus yang daif kelengkapan prasarana. Apakah peranan kerajaan negeri untuk membantu melengkapkan tapak sukan ini dipantai Sungai Lurus Batu Pahat.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Sukan Perahu Layar adalah sukan di bawah Program Majlis Sukan Negeri Johor iaitu Program SUKMA dan Program Pembangunan (Gold Pelapis). Majlis Sukan Negeri Johor berperanan dalam membantu dan menyokong Persatuan Pelayaran Negeri Johor dalam memperkasa persatuan serta pembangunan atlet.

Pada masa yang sama, pemberian bantuan oleh Majlis Sukan Negeri Johor kepada sukan perahu layar di Negeri Johor ini adalah sangat terhad disebabkan oleh kos sukan tersebut yang terlalu tinggi dari segi peralatan dan fasiliti lengkap.

Pusat Latihan Perahu Layar:

- i. Tunjuk Laut Beach Resort, Tanjung Leman, Mersing
- ii. Sungai Lurus, Batu Pahat
- iii. Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara (Venue SUKMA Johor)

Dari segi pemberian bantuan pula, Majlis Sukan Negeri Johor dapat memberi bantuan dari segi penyertaan kejohanan, program atlet, elaun lantikan jurulatih pembangunan, dan beberapa peralatan kecil, bergantung pada bajet semasa yang telah diperuntukan.

Bagi penganjuran SUKMA Johor yang akan diadakan di Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara, Sekretariat SUKMA Johor telah memperuntukan pembinaan laluan 'Ramp' ke pantai, kelengkapan Perahu Layar, Bangunan BoatHouse, Jeti dan 'Pontoon'.

Antara Kelengkapan Perahu Layar yang disediakan oleh Sekretariat SUKMA Johor adalah:

- i. Optimist Winer - 10 Buah
- ii. Laser Standard - 2 Buah
- iii. Laser radial - 4 Buah
- iv. Laser 4.7 - 4 Buah
- v. International 420 - 4 Buah

Untuk makluman juga, Persatuan Pelayaran Negeri Johor adalah badan sukan di bawah Johor Corporation Sdn Bhd di mana syarikat tersebut membiaya sepenuhnya dari segi kelengkapan peralatan, tapak latihan dan sebagainya. Majlis Sukan Negeri Johor akan memberi bantuan 30%, selebihnya 70% adalah dari pihak Johor Corporation Sdn Bhd.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)

SOALAN 22 (A32)

Apa langkah yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pihak yang bersalah dalam insiden pencemaran air dan udara Sungai Tawakal, Seelong baru-baru ini?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah membuat tangkapan ke atas sembilan (9) orang iaitu pemilik tanah, pekerja dan individu lain yang berada di dalam premis semasa siasatan. Mahkamah Majistret Johor Bahru telah memberi perintah tahanan reman selama tiga (3) hari ke atas lapan (8) orang yang disyaki.

Dalam tempoh reman, rakaman percakapan ke atas semua orang yang disyaki telah diambil. Dalam masa yang sama Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor juga telah mengenal pasti dan mengambil keterangan penyewa-penyewa yang mempunyai akses keluar masuk di kawasan tersebut serta mengumpulkan maklumat-maklumat daripada penduduk kampung dan premis berdekatan.

Sampel bahan-bahan kimia yang terdapat di dalam dan di luar kawasan premis telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk di analisa. Seterusnya, operasi gempur ke atas premis-premis yang berpotensi terlibat dengan pelupusan haram buangan terjadual ini telah dijalankan. Maklumat-maklumat ini digunakan sebagai elemen pembuktian untuk melengkapkan Kertas Siasatan bagi tujuan pendakwaan di bawah kesalahan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 23 (A175)

Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengatasi banjir kilat yang sering berlaku di Dun Kota Iskandar seperti di Tmn Syed Idrus & Kg Baru Muafakat di Gelang Patah, Kg. Pulai dan Mukim 8 (Kg. Pekajang, Kg. Tg. Adang, Kg. Pok)?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Bagi Taman Syed Idrus dan Kg. Baru Muafakat, kerja-kerja penggalian Sg. Gelang Patah sepanjang 1.5km telah dilaksanakan pada tahun ini melalui peruntukan kerajaan persekutuan. Kerja penggalian ini dilihat telah mampu mengurangkan kejadian banjir di kawasan tersebut. JPS juga akan melaksanakan kerja penggalian Sg Gelang Patah pada tahun hadapan sepanjang 2.5km.

Bagi Mukim 8 (Kg. Pekajang, Kg. Tg. Adang, Kg. Pok), JPS telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit-parit pertanian setiap tahun dan penggalian parit-parit balas di benteng. Selain itu, JPS telah melantik juruperunding bagi melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Pertanian Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor untuk mengenal pasti dan mencadangkan penyelesaian kepada masalah banjir secara menyeluruh. Kajian dijangka siap pada pertengahan tahun 2022. JPS turut melaksanakan

Bagi Kg. Pulai, JPS telah siap melaksanakan kerja meluruskan Sg. Pulai pada tahun 2020. Pada tahun ini, kerja-kerja penggalian Sg. Pulai juga sedang dalam pelaksanaan. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kajian IRBM Sg. Pulai telah siap dilaksanakan oleh JPS Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 24 (A12)

Adakah kerajaan bersedia untuk menyalurkan sejumlah peruntukan kepada setiap Wakil Rakyat bagi persediaan monsun dan bencana banjir seperti yang dimaklumkan bermula November hingga Januari bagi negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Endau**, sehingga kini, pihak kerajaan negeri masih belum memutuskan sebarang cadangan untuk menyalurkan peruntukan khas banjir kepada setiap Wakil Rakyat sebagai persediaan monsun dan bencana banjir yang dijangka berlaku di negeri Johor, bermula November 2021 hingga Januari 2022.

Untuk makluman dewan yang mulia, jika berlaku kejadian bencana banjir, kerajaan negeri akan membantu mangsa-mangsa bencana yang terjejas teruk seperti kerosakan dan kehilangan tempat tinggal dan sebagainya secara langsung dengan menggunakan peruntukan bencana kerajaan negeri jika ada keperluan.

Peruntukan ini boleh dimohon oleh individu yang terjejas dengan melaporkan segala kerosakan kepada Pejabat Daerah untuk proses pengesahan aduan.

1. Sebagai contoh, sepertimana, bantuan kepada mangsa bencana ribut di Tanjung Sedili, Kota Tinggi, baru-baru ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 25 (A80)

Berapakah peruntukan bagi kerja-kerja pembangunan kecil dalam kawasan DUN Bukit Naning sepanjang tahun 2020 dan tahun 2021, dan terperinci.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Dewan yang mulia, peruntukan bagi kerja-kerja pembangunan kecil dalam kawasan DUN Bukit Naning sepanjang tahun 2020 dan 2021 yang melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Negeri Johor adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
2020	0	0.00
2021	16	320,000.00

Perincian projek yang telah diluluskan adalah sebagaimana berikut :

16 projek berkenaan adalah:

- Menurap semula lorong Adon dan Lorong Hj. Tahir di Bt.16 Air Hitam. (RM20,000).
- Menurap semula Lorong Hj. Tamsir di Bt.16 dan Lorong Hj. Senan di Batu 15, Air Hitam, Muar.
- Menurap semula Lorong Abd Rahman di Batu 16 Air Hitam, Muar.
- Kerja menurap kawasan parkir kenderaan Masjid Ir-syariah Batu 16, Air Hitam, Muar.
- Kerja menaik taraf dan menurap Lorong Arif di Pt. Jepun Br.10, Air Hitam, Muar.
- Membaik pulih Jalan Bukit Antarabangsa Batu 15, Air Hitam, Muar.
- Membaik pulih Jalan Lorong Hj. Maliki & Hj Yanin Batu 16, Air Hitam, Muar.
- Menaik taraf Jalan Lorong Mansor Batu 16 ¾.
- Membaik pulih Jalan Lorong Ahmad & Lorong Hj Maryuti.
- Membaik pulih Jalan Lorong Haji Baki Batu 19.
- Membaik pulih Jalan Lorong Shamsudin & Lorong Omar.
- Kerja-kerja menaik taraf permukaan jalan di Lorong Hj Bohari, Kampung Parit Keroma Darat, Muar.
- Kerja-kerja menurap semula jalan di Lorong Hj Taha dan lorong Hj Ali, Kampung Parit Keroma Darat, Muar.
- Kerja-kerja menaik taraf jalan dan tempat letak kenderaan berhadapan Balairaya Kampung Dato Onn Jaafar.
- Membaik pulih jalan dan longkang di Taman Harmoni 2 No.16, Jalan Utama Bakri.
- Membaik pulih lorong dan Dataran Masjid Kiyai Hj Toha, Kampung Air Hitam, Batu 18, Bakri, Muar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 26 (A158)

Apakah rancangan kerajaan negeri Johor untuk menggubal Enakmen Anti Lompat Parti supaya selaras dengan pemindaan Perlembagaan Persekutuan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.

Sementara itu, **Perkara 10(2)(c) Perlembagaan Persekutuan** memperuntukkan bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.

Merujuk **Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V. Nordin Salleh & Anor. (1) [1992] 1 CLJ (Rep)** Mahkamah Agung telah memutuskan seperti berikut –

*“... [3] Mahkamah ini berpendapat bahawa, mustahil seorang ahli badan perundangan boleh dikenakan hukuman oleh perundangan biasa kerana menggunakan kebebasan hak asasi yang mana diberi kurnia oleh perlembagaan secara nyata terhadapnya, **tertakluk pada apa-apa sekatan yang hanya hendaklah dikenakan oleh Parlimen sahaja** dan itu pun atas alasan-alasan yang tertentu sahaja dan bukan bertentang dengannya...”*

[7] Setelah mengambil kira semua keadaan, Hakim Yang Arif telah sampai kepada keputusan sebulat suara bahawa secara langsung akibat Artikel XXX1A Perlembagaan Negeri Kelantan yang digubal untuk memperkuatkuasakan disiplin parti mengenakan satu sekatan terhadap penggunaan oleh ahli-ahli badan perundangan dalam penggunaan hak asasi untuk menubuhkan persatuan yang diberi jaminan oleh Artikel 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan dan bahawa sekatan seperti ini bukan sahaja diberi perlindungan oleh Artikel 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan, malah secara terang tidak jatuh dibawah mana-mana alasan larangan yang ditentukan dibawah s. 6(1) Bab I pada Jadual Lapan Perlembagaan Persekutuan.

*[8] Mahkamah ini bersetuju dengan Hakim Yang Arif pada Mahkamah dibawah walaupun atas alasan-alasan yang lain bahawa pada hakikatnya Artikel 4(1) Perlembagaan Persekutuan, **Artikel XXX1A Perlembagaan Negeri Kelantan pada tahap yang dinyatakan itu tak sah...**”*

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak boleh menggubal undang-undang berkenaan lompat parti sebagai salah satu intipati bagi seorang ADUN itu hilang kelayakan selagi tiada pindaan di dalam Perlembagaan Persekutuan selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung di dalam kes **Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V. Nordin Salleh & Anor. (1) [1992] 1 CLJ (Rep)**.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 27 (A63)

Berapakah peruntukkan telah diberikan kepada kuil-kuil Hindu dan Sekolah-Sekolah Tamil di Negeri Johor. Sila senaraikan terperinci.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia, bagi perbelanjaan berakhir pada 9 Oktober 2021, sebanyak RM6,319,250 telah dibelanjakan untuk pembangunan masyarakat India di negeri Johor.

Dari jumlah tersebut sebanyak RM4 juta telah disalurkan kepada Yayasan Sultanah Rogayah, di mana sebanyak RM1,539,000.00 disalurkan kepada kuil-kuil dan sebanyak RM780,250.00 disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 28 (A29)

Sebanyak 187 platon RELA seluruh negeri Johor yang telah banyak membantu kerajaan sepanjang pandemik dan membantu pelbagai aktiviti kemasyarakatan di negeri Johor. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk memberi geran peruntukan kepada anggota RELA sebagaimana yang diterima oleh SRS.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senggarang berkaitan kesediaan Kerajaan Negeri Johor untuk memberi geran peruntukan kepada anggota RELA sebagaimana yang diterima oleh Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Untuk makluman dewan yang mulia, tiada geran peruntukan secara khusus disediakan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri kepada Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri mengambil maklum tentang perkara ini dan menghargai usaha anggota RELA yang sanggup bertugas sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini, terutamanya di dalam aspek menjaga keselamatan awam, mengagih bantuan serta membantu kerajaan dalam memastikan masyarakat sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Pertimbangan terperinci berhubung perkara ini akan dibuat mengikut keperluan semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 29 (A90)

Sila nyatakan jumlah penerima bantuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 mengikut sektor penerima dan adakah semua permohonan yang layak telah menerima bantuan, jika tidak, apakah sebabnya?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Tangkak**, Kerajaan Negeri Johor menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 yang diumumkan pada 10 Jun 2021 telah memperuntukkan sebanyak RM213.04 juta bagi membiayai 33 inisiatif.

Inisiatif itu merangkumi lima (5) sektor, iaitu Modal Insan dan Masyarakat (17 inisiatif), Pelancongan (4 inisiatif), Perusahaan Kecil dan Sederhana (3 inisiatif), Advokasi Vaksinasi COVID-19 (4 inisiatif) dan Lain-lain (5 inisiatif).

Seramai 790,983 penerima yang layak disasarkan terdiri daripada pelbagai golongan seperti peniaga; penjaja; pengusaha gunting rambut; pengusaha kantin sekolah; pengusaha bas dan van sekolah; imam; bilal dan noja; golongan terjejas yang kehilangan pekerjaan; golongan yang berdaftar di bawah e-kasih; pengusaha di bawah sektor pelancongan dan pelajar sekolah serta penuntut Institut Pengajian Tinggi.

Sehingga 31 Oktober 2021 sebanyak RM100.92 juta atau 47.37 peratus telah dibelanjakan melibatkan seramai 559,949 penerima bantuan. Butiran perbelanjaan bagi setiap sektor adalah seperti berikut:

Inisiatif	Jumlah Inisiatif	Peruntukan (RM juta)	Perbelanjaan (RM' juta)	Peratus Belanja	Bilangan Penerima
Modal Insan Dan Masyarakat	17	132.41	45.47	34.34%	309,949
Pelancongan	4	1.46	1.46	100.0%	1,255
Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	3	36.46	31.96	87.7%	68,170
Advokasi Vaksinasi COVID-19	4	35.0	14.31	40.80%	180,000
Lain-lain	5	7.71	7.71	100.0%	-
Jumlah	33	213.04	100.39	47.12%	559,949

Menerusi inisiatif yang diumumkan, hasil semakan dan pengesahan daripada jabatan-jabatan seramai 559,949 penerima telah pun selesai menerima bantuan.

Namun begitu, terdapat juga kes penerima yang tidak layak disebabkan oleh faktor-faktor seperti bukan warganegara Malaysia, bukan rakyat negeri Johor atau bukan bermastautin di negeri Johor, tidak dapat dihubungi serta bukan dari golongan sasaran yang ditetapkan bagi setiap pemberian inisiatif.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 30 (A8)

Agenda Johor Digital adalah impetus ekonomi baharu kepada Johor dengan empat tempias yang ingin dicapai. Nyatakan ciri-ciri pengukuran kejayaan mengenai empat tempias tersebut di era pendigitalan Johor dan unjuran jangka masa mencapai agenda ini.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Jementah**, sepertimana yang saya telah jelaskan sebelum ini pada pembentangan Belanjawan Johor 2021 lalu, Agenda Digital Johor merupakan usaha kerajaan negeri untuk menjadikan ekonomi Johor membangun dengan lebih pesat, dengan dipacu oleh ekonomi digital.

Agenda ini dilihat bersesuaian dengan keadaan pandemik COVID-19 yang telah mengubah cara masyarakat meneruskan kelangsungan hidup.

Ini kerana, apabila ekosistem ekonomi digital sudah menjadi satu kebiasaan bagi semua pihak, kerajaan negeri yakin sumber hasil baharu yang konsisten dan terjamin dapat diraih.

Agenda ini turut berupaya untuk memberi limpahan sosioekonomi kepada penduduk Johor, dengan tindakan dasar kerajaan daripada peringkat paling bawah hingga teratas akan berpandukan kepada data.

Untuk makluman dewan yang mulia, kerajaan negeri telah pun memulakan langkah awal untuk menarik kemasukan pelaburan menerusi Agenda Johor Digital ini dengan menjadikan kawasan Iskandar Puteri, termasuk Medini dan Educity sebagai kawasan Hab Digital Johor.

Menerusi kerjasama bersama pihak Iskandar Investment Berhad (IIB), beberapa inisiatif awal telah pun mula digerakkan, antaranya, Iskandar NEXT (*New Economy, Experience and Talent*) dan pelancaran program JDETT (*Johor Digital Emerging Technology Talent*) pada Ogos lalu.

Selain itu, hasil kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Medini telah dipilih sebagai salah satu lokasi National Technology and Innovation Sandbox (NTIS).

Ini merupakan satu inisiatif di bawah program Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA) untuk memberi platform kepada syarikat-syarikat teknologi pemula ataupun *start-up* yang memberi fokus kepada pembangunan inovasi dan teknologi *drone* dan dikenali sebagai *Iskandar Medini Drone and Robotic Zone* (DRZ).

Secara tidak langsung, inisiatif ini berupaya untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat milik rakyat tempatan, khususnya rakyat Johor untuk mengembangkan potensi serta bangkit semula selepas terjejas akibat pandemik yang melanda, sekali gus mengurangkan tahap kebergantungan kepada tenaga dan kepakaran asing.

Perkembangan ini dilihat amat baik dalam usaha kita dapat melihat empat tempias ini bakal menerajui sektor ekonomi negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

Salah satu tempias ekonomi menerusi Agenda Johor Digital dilihat mampu untuk meningkatkan keyakinan pelabur, melalui penyediaan infrastruktur yang mampu membantu dan membuktikan kemampuan kerajaan negeri dalam merealisasikan agenda ini.

Antara bentuk infrastruktur utama ini ialah keupayaan rangkaian jalur lebar dalam negeri Johor untuk mengoptimumkan aktiviti digital dalam kalangan penduduk, khususnya di kawasan luar bandar.

Sehingga 30 Jun 2021, sebanyak 13 buah menara komunikasi baharu telah memulakan operasi sepenuhnya di empat buah daerah dalam negeri Johor, iaitu Muar, Mersing, Kota Tinggi dan Pontian menerusi inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang merupakan hasil kerjasama kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pada masa yang sama, terdapat 23 lagi menara komunikasi baharu yang kini sedang dalam proses untuk dibina di lapan (8) daerah di negeri Johor oleh pihak penyedia perkhidmatan yang dilantik dan dijangka siap secara berperingkat menjelang bulan Mac 2022.

Sejak bermulanya pandemik sehingga hari ini, kerajaan negeri serba sedikit telah mengorak langkah memulakan pengenalan sistem digital yang lebih efektif, terutamanya dalam proses perkhidmatan agensi-agensi di bawah seliaan kerajaan negeri mengikut Pelan Induk Digital Negeri Johor.

Misalnya, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) telah memulakan penggunaan platform atas talian (*online*) untuk urusan pembayaran zakat dan fidyah.

Pejabat-pejabat Majlis Daerah dan pembandaran turut memperkenalkan sistem atas talian (*online*) untuk urusan pembayaran cukai, saman dan sebagainya menerusi inisiatif *Johor Online Payment* (JOMpay). Cara ini mampu untuk mendekatkan dan membudayakan sistem digital dalam pengurusan seharian untuk dijadikan ikutan rakyat Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Majlis Digital Johor yang bersidang membolehkan sistem penilaian untuk menilai pihak yang melabur di dalam pelaburan digital dikumpulkan dalam bentuk data bagi membolehkan semakan polisi dan dasar kerajaan negeri dikaji dengan lebih saksama bagi mengelakkan pengurusan kerajaan negeri terjerumus dalam lembah kronisme.

Tahun 2030 telah disasarkan sebagai tahun, di mana negeri Johor mencapai transformasi penuh pengurusan awam dalam bentuk digital.

Untuk itu, kerjasama dari pelbagai pihak, tidak terkecuali badan-badan swasta amat dialu-alukan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 31 (A24)

Berapa keuntungan dan kerugian yang diperolehi bagi tahun 2019 dan 2020 oleh GLC negeri Johor seperti

- (a) Kumpulan JCorp; Johor Land Bhd, Kulim Bhd, KHJ Bhd, dan lain-lain
- (b) Kumpulan YPJ; YPJ Plantation, YPJ Pendidikan dan lain-lain
- (c) Lain-lain kumpulan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Senggarang**, berkaitan perkara keuntungan dan kerugian yang diperolehi bagi tahun 2019 dan 2020 oleh GLC negeri Johor.

Laporan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit yang dilaporkan mengikut kumpulan:

Bil	Kumpulan GLC	Penyata Kewangan Tahun 2019 (RM)	Penyata Kewangan Tahun 2020 (RM)
1	Perbadanan Johor (JCorp)	28 juta	394 juta
2	Yayasan Pelajaran Johor Holdings Sdn Bhd (YPJH)	89,811,000.00	92,994,000.00
3	Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd (PDT)	5,675,144.00	16,249,497.00
4	PIJ Holdings Sdn Bhd (PIJH)	6,306,677.00	7,112,755.00
5	KPRJ Sdn. Bhd.	87,657,165.00	Belum dimuktamadkan
6	MAINJ Urus Sdn Bhd	405,083.00	1,679,885.00
7	J-Biotech Sdn. Bhd.	751,998.00	446,265.00

Berdasarkan jadual di atas, pada tahun 2019, PIJ Holdings Sdn Bhd dan Kumpulannya, MAINJ Urus Sdn. Bhd. dan anak syarikat serta J-Biotech Sdn Bhd dan Kumpulannya telah mencatatkan kerugian selepas cukai.

Manakala pada tahun 2020, hanya Perbadanan Johor dan Kumpulannya yang mencatatkan kerugian selepas cukai, iaitu sebanyak RM 394 juta sebagaimana yang terkandung di dalam Laporan Penyata Kewangan Tahun 2020 Beraudit.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 32 (A25)

Suatu masa dahulu banyak dibincangkan tentang Bon jaminan Kerajaan Negeri Johor untuk GLC tertentu. Bagaimanakah sekarang kedudukan Bon-bon tersebut. Berapa nilai-nilai Bon yg telah diterbitkan dan tarikh matang bon-bon tersebut.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Senggarang**, semestinya telah menjadi syarat kepada GLC berkaitan seperti Johor Corporation (Jcorp) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Bilangan 4 Tahun 1968 untuk mendapatkan jaminan atau surat akujanji daripada kerajaan negeri bagi setiap pinjaman yang hendak dilakukan.

Perkara ini adalah bagi memenuhi Akta Pemerbadanan Kekompetenan Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) Jadual Kedua (Seksyen 3 dan 7) Perenggan 14(1)(d).

Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri Johor (PNJ), Johor Corporation (JCorp) sahaja yang ada menerbitkan Sukuk yang dilaksanakan melalui sokongan Kerajaan Negeri Johor dalam bentuk Jaminan Kewangan dan Surat Akujanji kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2012 dengan jumlah terbitan Sukuk Wakalah RM 3.0 Bilion dan matang pada Jun 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 33 (A40)

Apakah status terkini bagi penubuhan syarikat Digital Johor Corporation (DJ Corp) yang bertindak sebagai institusi pelaksana dan penyelaras kepada Agenda Johor Digital.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bentayan**, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) kini dalam proses akhir merangka Pelan Induk Digital Negeri Johor 2030.

Apabila siap, pelan ini akan menjadi garis panduan pembangunan agenda digital negeri Johor dalam pelbagai sektor dan dimensi.

Pelan ini juga akan mencadangkan struktur dan model terbaik bagi Digital Johor Corporation (DJ Corp). InshaAllah, pelan ini akan dilancarkan pada 2 Disember 2021.

Oleh yang demikian, saya yakin penubuhan DJ Corp akan dapat dilaksanakan menjelang tahun 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 34 (A127)

Senaraikan bilangan kanak-kanak yang menjadi anak yatim mengikut daerah akibat kehilangan ibu bapa kerana Pandemik Covid-19?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Analisa dan data semakan Jabatan Pendidikan Negeri Johor berkaitan bilangan murid-murid sekolah yang menjadi anak yatim akibat kehilangan ibu bapa/penjaga akibat COVID-19 adalah seperti berikut:

RUMUSAN DATA MURID KEMATIAN IBU BAPA PENJAGA KERANA COVID-19 NEGERI JOHOR

PPD	IBU DAN BAPA	KEMATIAN BAPA	KEMATIAN IBU	KEMATIAN PENJAGA	JUMLAH
BATU PAHAT	1	42	22	4	69
JOHOR BAHRU	3	106	67	2	178
KLUANG	0	42	25	1	68
KOTA TINGGI	0	41	28	2	71
KULAI	2	61	34	3	100
MERSING	0	6	1	2	9
MUAR	2	44	31	1	78
PASIR GUDANG	5	151	129	8	293
PONTIAN	0	23	23	6	52
SEGAMAT	2	26	7	0	35
TANGKAK	2	46	28	7	83
JUMLAH	17	588	395	36	1036

*Data berakhir pada 15/11/2021

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 35 (A27)

Apakah usaha-usaha badan-badan Islam seperti MAIJ, JAIJ dan lain-lain dalam memberi penerangan tentang Islam kepada non-muslim bagi membetulkan tanggapan salah tentang Islam yang selama ini mereka fahami.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Islam adalah agama fitrah yang sesuai dengan sifat semula jadi manusia. Al-Qur'an memerintahkan umat Islam melayan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan Islam dengan semangat kebaikan dan kemurahan hati. Rasulullah S.A.W memberikan banyak contoh dalam usaha untuk sentiasa bertolak ansur dengan orang bukan Islam.

Antara usaha Jabatan Agama Islam Negeri Johor :

1. Melantik pendakwah dari kalangan saudara baru
2. Program Street Dakwah
3. Ziarah
4. Menggerakkan Briged ASWAJA sebagai sukarelawan dakwah tak mengira kaum
5. Sahabat Dakwah
6. Dakwah melalui media sosial. Juga Rakaman berkaitan Islam dalam pelbagai Bahasa
7. Sumbangan kuih raya kepada pesakit tanpa mengira kaum sempena Syawal

Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui baitulmal juga mengadakan Program Bantuan Kemanusiaan Sejangat (Bantuan Kebajikan kepada Pesakit Bukan Islam) secara one off dengan membeli peralatan pesakit. Dan sehingga kini masih memberi bantuan bakul makanan bagi golongan yang kurang berkemampuan kepada ahli keluarga.

Penyebaran Agama Islam melalui pelbagai medium maya yang rasmi boleh dilayari dan ditonton oleh pelbagai bangsa dan agama di portal facebook Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 36 (A19)

Pusat Informasi dan Perkhidmatan Sultan Iskandar merupakan pusat informasi untuk pelancong datang ke pulau di Mersing. Projek dijangka siap pertengahan tahun ini lewat disiapkan. Bilakah projek ini dapat disiapkan. Adakah dengan kelewatan ini menyebabkan penambahan kos dari kos yang asal?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tenggaroh atas soalan yang telah dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenggaroh dan Sidang Dewan yang mulia ini, status bagi projek Pusat Informasi dan Perkhidmatan Sultan Iskandar pada ketika ini adalah sebanyak 76% siap dan dijangka lewat. Ini adalah kerana pihak kontraktor yang dilantik tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya kepada projek tersebut & kegagalan pihak kontraktor untuk menyambung kerja-kerja pembinaan sejak dari bulan Jun 2021.

Pihak JKR Johor selaku agensi pelaksana negeri bagi projek ini sedang meneliti Penamatan Kontraktor dan akan membentangkan laporan "way-forward" di Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan (ICC) ECER Negeri Johor Bil. 3/2021 yg bakal diadakan pada 7 Disember 2021. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor.

Kos awalan bagi projek ini adalah sebanyak RM21,671,110.64 dan dijangka akan berlakunya pengurangan sejajar dengan cadangan dari Jabatan Kerja Raya (JKR) disebabkan pindaan skop kerja pada tahun 2019.